

29/08/2003

Festival bubur terpanjang sempena sambutan Merdeka

KANGAR: Sambutan Bulan Kemerdekaan negeri Perlis tahun ini akan menjadi yang paling meriah dalam sejarah, dengan pembabitan lebih 45,000 warga Perlis dalam perarakan Hari Kebangsaan di Padang Majlis Perbandaran Kangar (MPK).

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, kerajaan negeri akan menjadikan sambutan tahun ini paling merioah sebagai hadiah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara mulai Oktober ini.

"Kita akan memastikan sambutan tahun ini meriah sebagai hadiah kepada Dr Mahathir kerana ini tahun terakhir beliau menyambutnya sebagai Perdana Menteri," katanya selepas menyampaikan hamper program makanan tambahan seimbang kepada 248 penerima dari seluruh Perlis di Dewan Warisan, kelmarin.

Shahidan berkata, Sambutan Bulan Kemerdekaan tahun ini juga adalah yang terakhir sebelum diadakan pilihan raya umum.

Beliau berkata, beberapa acara sudah diatur bagi memastikan sambutan kali ini berbeza berbanding tahun sebelum ini.

Antaranya, Festival Bubur Perlis Terpanjang yang akan diadakan 30 Ogos menggunakan lebih 1,000 kawah dan periuk yang disertai pelbagai agensi kerajaan, swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Festival Bubur Perlis itu juga akan dijadikan acara tahunan dan akan dimasukkan dalam kalendar pelancongan negara bagi menarik pelancong asing ke negeri ini.